

Buku hina Nabi di pasaran sebulan lalu

BH 14 SEP 2000

KUALA LUMPUR, Rabu – Buku 'Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam?' yang dikatakan menghina Nabi Muhammad, sudah berada di pasaran dan dijual secara terbuka di seluruh negara sejak sebulan lalu.

Penjualannya secara terbuka itu sekali gus menafikan persoalan yang ditimbulkan Mursidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, bagaimana buku tulisan Ibnu Daulah itu boleh diperoleh pemimpin Umno.

Tinjauan *Berita Harian* di sekitar ibu kota hari ini mendapati kebanyakan peniaga pada mulanya tidak menyedari kewujudan buku itu kerana ia dibantar bersama buku lain yang ditempah.

Seorang peniaga buku yang enggan namanya disiarkan berkata, sejak buku itu dipasarkan kira-kira sebulan lalu, ia tidak mendapat sambutan kerana orang ramai menganggapnya hanya buku biasa.

"Bagaimanapun, permintaan terhadap buku itu naik mendadak apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mendedahkan kandungannya menghina Nabi Muhammad dan agama Islam, selain menyamakan pemimpin Pas dengan Rasulullah," katanya di sini, hari ini.

Kelmarin, Dr Mahathir menyatakan kesedihannya terhadap tindakan Pas yang sekali lagi menyalahgunakan Islam untuk kepentingan politik dengan mengeluarkan buku menyatakan Nabi Muhammad sekadar pemimpin sebuah parti Islam.

Buku itu yang dicetak oleh Otopack & Print Sdn Bhd dan mengandungi 11 bab, memaparkan gambar tiga pemimpin Pas pada kulit depan iaitu Presidennya, Datuk Fadzil Nor; Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang.

Pada kulit belakangnya pula dicatatkan "Amanat untuk rakyat Malaysia". Ia diterbitkan Penerbitan Seribu Dinar 2000 dan diedar oleh As-Syabab Media di alamat No.9, Jalan 1/4, 43650 Bandar Baru Bangi. Cetakan pertamanya ialah pada Mei 2000.

Di KOTA BHARU, seorang pengguna Abdul Aziz Mohamad, 45, berkata penulis (Ibnu Daulah) patut bertaubat kerana secara terang-terangan menghina Nabi Muhammad.

Katanya, beliau sudah membaca keseluruhan kandungan buku itu dan mendapati penulis secara tidak langsung cuba menyamakan pemimpin sebuah parti pembangkang dengan Nabi Muhammad.

Penulis buku patut bertaubat

DARI MUKA 1
BH 14 SEP 2000

"Memang jelas dia (penulis) kata begitu dalam bukunya. Sebagai orang Islam saya sungguh kesal dan tidak menyangka ada pihak sanggup mempermainkan Islam hanya kerana untuk mencapai kepuasan.

"Dia patut bertaubat. Tindakannya boleh menjejaskan akidah penyokong parti berkenaan yang terlalu taksud dengan pemimpin parti itu," katanya.

Sementara itu, pengedar buku berkenaan Galeri Buku Syabab, mendakwa pihaknya tidak mengetahui identiti penulis dan syarikat yang menerbitkan buku itu, Percetakan Seribu Dinar 2000.

Jurucakap syarikat itu berkata pihaknya hanya bertanggungjawab mengedar buku berkenaan tanpa mengambil tahu siapa sebenarnya penulis yang hanya menggunakan nama Ibnu Daulah.

"Setakat ini kami juga masih menyiasat siapa penulis dan syarikat penerbitannya yang dipercayai beroperasi di ibu negara berdasarkan alamat yang dicitak pada buku itu," katanya.